

Jawatankuasa khas pasca banjir bersedia hadapi gelombang kedua

Oleh Suzalina Halid - Disember 30, 2021 @ 4:18pm

suzalina@bh.com.my



Mohd Zuki (kanan) dan Zaini (dua dari kanan) mendengar penerangan Ketua Penolong Pengarah Kanan PRABN, Ir Dr Salwa Ramly (kiri) ketika lawatan kerja ke PRABN hari ini. - NSTP/ Fariz Iswadi Ismail

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa khas pasca banjir sudah sedia berdepan kemungkinan gelombang kedua banjir di beberapa negeri, khususnya dalam aspek kesiapsiagaan pihak berkuasa keselamatan. Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata dengan mengambil pengalaman banjir pada gelombang pertama, jawatankuasa itu akan bergerak cepat dalam menyediakan bantuan, khususnya dalam usaha membawa keluar mangsa ke pusat pemindahan sementara (PPS).

"Jika berlaku gelombang kedua, kita cukup bersedia dan saya berpuas hati dengan kesiapsiagaan agensi kerajaan. Namun, kita akan tingkatkan dari semasa ke semasa.

"Contohnya seperti banjir yang berlaku di Jeli hari ini. PPS sudah sedia diwujudkan. Pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), polis dan pasukan bomba serta penyelamat juga berada di tempat kejadian selepas mendapat amaran daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)," katanya pada sidang media, di sini, hari ini.

Terdahulu, Mohd Zuki melawat Pusat Kawalan dan Ramalan Banjir Negara di JPS Ampang, di sini.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Muhammad Helmi Abdullah dan Ketua Pengarah JPS, Datuk Ir Dr Md Nasir Md Noh.

Mohd Zuki berkata, Pusat Kawalan dan Ramalan Banjir Negara berperanan memberikan amaran banjir pada bencana 18 Disember lalu yang menyebabkan Selangor terjejas teruk, namun ramai yang tidak menganggap ia perlu diambil perhatian.

"Selepas apa yang dilalui pada 18 Disember lalu, ia perlu dijadikan perkara mustahak untuk diteliti bersama," katanya.

Beliau berkata, tumpuan jawatankuasa khas pasca banjir kini juga bagi memastikan dana wang ihsan diperuntuk kerajaan disalurkan kepada mangsa banjir secepat mungkin.

Katanya, selain itu, fokus turut diberikan dalam membersihkan sampah sarap di kawasan banjir melalui penyediaan stesen pemindahan sementara bagi mengalihkan sampah.

"Melalui maklumat yang kita peroleh, sebanyak 80 peratus sampah sudah dialihkan dari kawasan banjir melalui stesen ini.

"Selepas tumpuan kepada banjir, aspek pasca banjir juga akan dilihat melalui jawatankuasa yang membabitkan semua ketua jabatan, ketua setiausaha kementerian, panglima angkatan tentera dan ketua polis negara," katanya.

Mengenai kawasan angkat untuk banjir, Mohd Zuki berkata, program itu sudah digerakkan dengan semua kementerian diberikan kawasan masing-masing, malah gerakan ke daerah juga sudah dilakukan dengan tumpuan diberikan kepada lokasi kritikal.

Beliau berkata, selain membabitkan penjawat awam Persekutuan, pihaknya akan meluaskan program ini kepada penjawat awam di negeri yang tidak terkesan banjir.

"Saya sudah menghubungi setiausaha kerajaan negeri untuk mereka menggerakkan penjawat awam di negeri bagi turut sama membantu," katanya.